

## PERANAN WARTA MALAYA DI TAHUN-TAHUN 1930'AN\*

oleh

ZULKIFLI BIN MAHMUD

WARTA MALAYA (WM) ternyata merupakan sebuah akhbar yang luas skop perbincangannya. Setiap aspek yang dianggap mempunyai hubungan dengan masyarakat pada masa itu disentuh dengan hujjah-hujjah yang berterus terang, bersemangat dan berani. Aspek-aspek yang disentuh meliputi soal-soal seperti pentadbiran, kemajuan ekonomi, sosial, pelajaran dan bahasa Melayu, kedudukan dalam jawatan-jawatan kerajaan, soal dominasi bangsa-bangsa asing dan tidak ketinggalan sedikit perbincangan mengenai soal ugama Islam. Berita-berita tempatan dan berita-berita diluar negeri yang dimuatkan memberikan gambaran yang jelas kepada para pembaca mengenai suasana disekeliling mereka. Ruangan-ruangan iklan yang disediakan telah membantu para pengeluar memperkenalkan barang-barang perniagaan mereka.

Pada tahun-tahun 1930'an dikalangan orang-orang Melayu terdapat dua jenis aliran pelajaran iaitu pelajaran Melayu dan pelajaran Inggeris yang sudah tidak asing lagi bagi orang-orang Melayu, lebih-lebih lagi apabila dikenakan syarat bahawa untuk memasuki bidang kerajaan mestilah mempunyai kelulusan sekolah Inggeris. Disamping itu pelajaran Melayu terus berkembang dengan pembenaan lebih banyak lagi sekolah-sekolah oleh penjajah Inggeris. Perkembangan pelajaran telah menambahkan lagi jumlah rakyat yang boleh membaca. Walaupun Tanah Melayu menghadapi zaman kemelesetan pada akhir tahun-tahun 1920'an dan awal 1930'an tetapi jumlah sekolah tetap bertambah. Contohnya, pada tahun 1930 terdapat 524 buah sekolah di Negeri-negeri Melayu Bersekutu dan pada tahun 1931 telah bertambah menjadi 535 buah.<sup>1</sup> Jumlah murid-murid Melayu yang meneruskan pelajaran menengah juga turut bertambah daripada 890 orang dalam tahun 1920 kepada 2,726 orang dalam tahun 1930.<sup>2</sup>

Kelahiran *WM* adalah dalam period dimana jumlah orang yang boleh membaca bertambah dan ini memberi peluang pada *WM* untuk mengukuhkan kedudukannya dikalangan masyarakat Melayu. Dapat dibuat anggapan bahawa sebagian besar daripada pelanggan-pelanggan akhbar ini mungkin terdiri dari dua golongan. Golongan yang pertama ialah orang-orang Melayu yang berpelajaran Inggeris yang kebanyakannya bertugas didalam perkhidmatan kerajaan dan golongan yang kedua ialah orang-orang Melayu yang berpelajaran Melayu yang kebanyakannya terdiri daripada guru-guru sekolah Melayu. Sedikit sebanyak idea-idea yang dibawa oleh *WM* mungkin memberi kesan kepada kedua golongan pembaca ini.

Golongan yang berpelajaran Inggeris umpamanya kebanyakan tinggal di-kawasan-kawasan bandar dan dengan itu pergaulan mereka biasanya lebih luas dengan kakitangan kerajaan dan kaum-kaum yang lain. Mereka mungkin seba-

\*Makalah ini telah dipetik dari Latihan Ilmiah penulis yang berjudul, "Warta Malaya", yang telah dikemukakan kepada Jabatan Sejarah, Universiti Kebangsaan Malaysia, Sessi 1976/77. - Pengarang.

<sup>1</sup>Annual Report on Education in the Federated Malay States for the Year 1931.

<sup>2</sup>Annual Report on Education in the Federated Malay States for the Year 1920 and 1930.

hagiannya tidak menyertai cadangan-cadangan dari akhbar ini tetapi sekurang-kurangnya bidang persuratkhabaran dapat menghubungkan mereka dengan anasir-anasir dalam penghidupan dinegeri ini. Gambaran mengenai kedudukan masyarakatnya dapat diketahui dengan lebih jelas lagi.

Golongan yang berkelulusan sekolah Melayu kebanyakannya menjadi guru-guru disekolah-sekolah Melayu yang sebahagian besarnya didirikan dikawasan-kawasan luar bandar. Hubungan mereka dengan masyarakat Melayu lebih rapat jika dibandingkan dengan golongan yang berpendidikan Inggeris yang menetap dibandar-bandar. Disebabkan kebanyakan tulisan-tulisan didalam *WM* adalah hasil daripada penulis-penulis yang asalnya berpelajaran Melayu juga, maka simpati golongan yang berkelulusan sekolah Melayu mungkin lebih banyak terhadap seruan-seruan dan teguran-teguran yang diketengahkan. Ini lebih memungkinkan untuk mereka berlanggan dengan akhbar *WM* dan seterusnya menerima pengaruh dari idea-idea tersebut. Namun begitu tidak semestinya golongan guru-guru Melayu ini dapat mempengaruhi masyarakat Melayu sepenuhnya walaupun guru-guru biasanya dihormati dikalangan masyarakat. Dalam soal ini kadang-kadang orang yang berpengaruh dalam masyarakat seperti penghulu, ketua-ketua kampung dan tuan-tuan haji adalah lebih berjaya untuk mempengaruhi orang-orang Melayu.<sup>3</sup> Walau bagaimana pun kesan idea-idea yang diketengahkan oleh *WM* terhadap ketua golongan tadi memang tidak dinafikan.

Sistem pelajaran Melayu mencapai peringkat yang lebih baik lagi apabila Maktab Perguruan Sultan Idris MPSI didirikan pada tahun 1922. Dari maktab ini telah keluar guru-guru Melayu yang sebahagian besarnya mempunyai kesedaran terhadap kelemahan masyarakat sendiri.<sup>4</sup> Namun begitu lebih awal daripada itu telah didirikan Maktab Melayu Melaka (MMM) pada 1.3.1900. Maktab ini didirikan ekoran daripada penutupan Maktab Perguruan Melayu Singapura dalam tahun 1894 dan Maktab Perguruan di Taiping. Melalui MMM juga masalah kekurangan guru-guru terlatih cuba diatasi. Sekali pun MMM wujud hingga ketahun 1922, tetapi maktab ini tidak pula melahirkan tokoh-tokoh pemimpin yang benar-benar dapat memimpin dan menggerakkan masyarakat Melayu menuju kearah kemajuan.<sup>5</sup> Ini mungkin disebabkan alam sekeliling kemasyarakatan orang-orang Melayu yang masih belum nampak jalannya untuk memperbaiki kewujudan MMM dapat dianggap sebagai pembuka mata yang bakal menggalakkan ibu bapa menghantar anak-anak mereka kesekolah-kesekolah Melayu. Maktab ini telah mengeluarkan beberapa orang guru-guru Melayu yang di antaranya menjadi guru pula kepada lepasan-lepasan MPSI<sup>6</sup>. Setelah beberapa tahun MPSI didirikan, lahirlah bakal-bakal pemimpin Melayu yang turut berkecimpung dalam pertubuhan-pertubuhan yang didirikan menjelang kemasukan Jepun di negeri ini.

<sup>3</sup>W.R. Roff, *Sejarah Surat-surat Khobar Melayu*, Pulau Pinang, Saudara Sinaran Berhad, 1967, h. 39.

<sup>4</sup>Dari MPSI umpamanya, Harun Muhammad Amin adalah merupakan tokoh yang kerap menulis dalam ruangan *WM* dengan seruan-seruan supaya orang-orang Melayu sedar dan segera menuju kearah kemajuan.

<sup>5</sup>Ahmat Adam, "Pertumbuhan Kesedaran Sosial Orang-orang Melayu di Melaka Pada Tahun 1920'an dan 1930'an, Kertas Seminar Sejarah Melaka, Disember 1976, h. 6.

<sup>6</sup>Salah seorang lulusan MMM yang telah menjadi guru di MPSI ialah Chikgu Abdul Hadi apabila maktab itu didirikan. Beliau menuntut di MMM antara tahun-tahun 1917-1919. Setelah keluar beliau bertugas sebagai guru di beberapa tempat di Melaka dan pernah mengajar di MMM sendiri.

Di MPSI, kesedaran dikalangan pelajar-pelajar telah disuburkan oleh guru-gurunya melalui syarahan-syarahan mereka. Pelajar-pelajar MPSI juga terdedah kepada pengaruh-pengaruh dari Indonesia. Sebenarnya pengaruh perjuangan kebangsaan Indonesia menentang penjajahan, feodal dan kaum-kaum Cina dengan pesatnya menjalar ke Tanah Melayu dalam tahun-tahun 1920'an. Dalam tahun 1926 telah berlaku satu revolusi yang gagal menentang Belanda dan ramai para pemimpinnya melarikan diri kengeri ini.<sup>7</sup>

Kemasukan tokoh-tokoh politik ini sering dihubungkan dengan pertumbuhan beberapa pertubuhan radikal yang bergerak dibawah tanah antara tahun-tahun 1927-1930 di Tanah Melayu terutama dikalangan intelijensia berpendidikan Melayu<sup>8</sup>. Ini termasuklah pertubuhan-pertubuhan seperti Belia Melayu, Ikatan Pemuda Pelajar dan Ikatan Semenanjung Borneo. Pertubuhan-pertubuhan yang anti-penjajah ini tidak kekal lama dan senyap begitu saja apabila pemimpin-pemimpinnya keluar daripada MPSI. Dengan perkembangan yang berlaku itu maka lahirlah anggapan bahawa gulungan pertama yang menyemai dan meninggikan kesedaran politik secara terbuka ialah para lulusan sekolah Melayu.<sup>9</sup> Tokoh-tokoh guru Melayu inilah yang turut sama memainkan peranan bersama-sama dengan gulungan-gulungan lain terutama gulungan wartawan (ada juga gulungan guru-guru yang menjadi wartawan sambilan) menjadi kritikus masyarakat yang gigih membicarakan dengan lantang kepincangan masyarakat Melayu pada masa itu.<sup>10</sup> Ternyata bahawa sistem pelajaran penjajah dewasa itu turut memainkan peranan dalam menimbulkan kesedaran dikalangan masyarakat Melayu mengenai kedudukan mereka sebagai bumiputera negeri ini.

Sungguh pun begitu, para lulusan sekolah Inggeris juga turut memainkan peranan. Dari MCKK umpamanya lahirlah pelajar-pelajar yang dilatih khas untuk menjadi pegawai pentadbir kerajaan. Walaupun tujuan maktab ini ialah untuk mengeluarkan para pelajar Melayu yang bersifat keinggerisan tetapi hasilnya tidak seperti mana yang dijangkakan. Mereka seperti juga pelajar-pelajar dari MPSI, pada asasnya mendalami kesedaran kebangsaan melalui pengalaman belajar dalam sebuah institusi pelajaran yang bersifat kebangsaan. Kesedaran ini lebih nyata apabila para lulusan maktab ini menghadapi masalah-masalah politik ketika bekerja sebagai ahli birokrat.<sup>11</sup>

Walau bagaimanapun peranan gulungan pentadbir kerajaan ini kurang ternyata menerusi akhbar-akhbar tempatan. Mereka ini mungkin lebih penting sebagai wakil-wakil ahli Tidak Resmi di Majlis-Majlis Mesyuarat Negeri atau Majlis Mesyuarat Negeri-Negeri Melayu Bersckutu.<sup>12</sup> Mereka dengan berani mendesak pihak Inggeris memberikan peluang supaya lebih ramai lagi orang-

<sup>7</sup>Antara mereka ialah Djamaluddin Tamin, Subakat, Tan Melaka, Alimin, Musso, Nata Zainuddin, Darsono, Burhan Djamin, Semaun, Sutan Djenin dan Muchtar Lufti. Lihat, I.K. Agastja, *Sedjarah Dan Perjuangan Di Malaya*, Djokjakarta, 1948, h. 58.

<sup>8</sup>*Ibid*, h. 70-76.

<sup>9</sup>N.J. Funston, "Malay Politics in Malaysia, 1945-1969: A case Study of the United Malays National Organization and the Pan Islamic Party", (M.A. Tesis, Universiti Monash, 1973) h. 16, dipetik dari Maymon Arif dalam "Kegiatan Politik Melayu Tahun 1930'an" *Jebat*, Jernal Persatuan Sejarah, Universiti Kebangsaan Malaysia, Bil. 3/4, 1973/4 dan 1975/6, h. 41.

<sup>10</sup>Ahmad Boestaman, "Gerakan Nasionalisma di Malaysia", *Dewan Masyarakat* Jilid IX, Bil. 11, November 1971, h. 24.

<sup>11</sup>N.J. Funston, "Malay Politics in Malaysia", h. 19.

<sup>12</sup>*Ibid*

orang Melayu memasuki bidang pentadbiran, menyeru kerajaan melindungi hak orang-orang Melayu dan sebagainya.

Satu daripada peranan *WM* sebagai sebuah akhbar Melayu yang besar edarannya pada masa itu ialah sumbangannya meruntuhkan semangat kedaerahan di kalangan masyarakat Melayu. *WM* yang terbit dan beribu pejabat di Singapura mempunyai wakil-wakil penjual di kebanyakan tempat di Negeri-Negeri Melayu. Dengan ini keluarannya dapat di baca juga oleh pembaca-pembaca diluar daerah tempat terbitnya. Sedikit demi sedikit semangat kedaerahan dapat dikurangkan<sup>13</sup> dan semangat ke Melayuan yang menyeluruh mungkin timbul. Kepincangan masyarakat Melayu didaerah lain dianggap sebagai kepincangan mereka sendiri. "Ruangan Surat Kiriman" *WM* dapat membuktikan bahawa sambutan adalah datang dari berbagai daerah di Tanah Melayu disamping Singapura sendiri dan ruangan *WM* telah menyatukan mereka semua. Keluhan, teguran dan cadangan-cadangan yang dikirimkan keruangan itu adalah untuk mendapat pertimbangan dan perhatian dari seluruh masyarakat yang menjadi pembaca *WM* khususnya.

Sebagai alat penyampai berita, *WM* telah dapat memberikan laporan dan berita yang memuaskan. Berita-berita dari luar negeri yang dimuatkan lebih mendekatkan lagi negeri ini dengan dunia luar. Ini memberikan kemungkinan yang lebih besar untuk perkembangan-perkembangan dari luar mempengaruhi rakyat negeri ini. Perkembangan yang berlaku di Turki umpamanya setelah kenaikan Mustafa Kamal yang sering disiarkan diruangan akhbar-akhbar tempatan termasuk *WM*,<sup>14</sup> pernah dikatakan bahawa, "...kerana Islam juga satu sistem politik bagi umat Muslimin, semangat baru adalah Islam itu lambat launnya akan menggerakkan orang-orang Melayu..."<sup>15</sup> Disamping itu perkembangan gerakan-gerakan nasionalisma di Indonesia juga membuka mata orang-orang Melayu dan seterusnya mempersoalkan kedudukan mereka dinegeri mereka sendiri.

Suratkhabar adalah merupakan mass media yang paling rapat hubungan dengan rakyat. Idea para pengarang dimuatkan bagi bacaan seluruh lapisan rakyat. Tulisan-tulisan yang diketengahkan mempunyai tujuan menyedarkan orang-orang Melayu terutama setelah kemunculan *Al-Imam* di Singapura pada tahun 1906.<sup>16</sup> Perbincangan didalam akhbar-akhbar memberi kesan yang positif terhadap pemikiran orang-orang Melayu. Dari sejak penerbitan *Al-Imam*, orang-orang Melayu mulai menyedari akan keadaan sekeliling mereka.<sup>17</sup> Kebanyakan daripada mereka mula menganalisa diri mereka sendiri, mengkaji akan sebab-sebab kemunduran dan kelemahan mereka dan mula mengorak langkah memperbaiki kekurangan yang terdapat.

<sup>13</sup>Ahmad Salleh, "Peranan Suratkhabar dalam Perkembangan Sastera Melayu Modern", *Deewan Bahasa*, Bil. 4, 1962, h. 165.

<sup>14</sup>*Warta Malaya*, keluaran 2.1.1931 didalam ruangan rencana pengarangnya telah membincangkan beberapa perubahan yang diperkenalkan oleh Mustafa Kamal di Turki.

<sup>15</sup>Radin Soenarno, "Nasionalisma Melayu Hingga Tahun Masehi 1948", *Bahasa, Keluaran Persatuan Bahasa Melayu Universiti Malaya*, Jilid 2, Bil. 1, March, 1959, h. 39.

<sup>16</sup>Akhbar-akhbar sebelum *Al-Imam* yang bermula dari *Jawi Peranakan* memenuhi ruangnya dengan menyiarkan sedikit sebanyak berita-berita tempatan, berita-berita luar negeri yang biasanya diterjemahkan terus dari akhbar-akhbar Inggeris dan menyiarkan iklan-iklan serta kenyataan-kenyataan dari pihak kerajaan. Kadang-kadang terdapat juga makalah-makalah atau rencana-rencana khas berkaitan dengan hal ehwal agama Islam. Tetapi *Al-Imam* mempunyai corak yang berlainan. Majalah ini berazam untuk membangunkan semula seluruh umat Melayu. Lihat W.R. Roff, *Sejarah Surat-surat Khabar Melayu*, h. 14.

<sup>17</sup>Radin Soenarno, "Nasionalisma Melayu Hingga Tahun Masehi 1948", h. 39.

Menjelang tahun-tahun 1930'an, *WM* menjadi salah sebuah akhbar Melayu yang terkemuka dengan membawa idea-idea bagi membangunkan dan memajukan orang-orang Melayu. Benih-benih kesedaran yang telah disemaikan oleh akhbar-akhbar yang terdahulu daripadanya terus dibajai untuk melahirkan orang-orang yang maju setanding dengan kaum-kaum asing dinegeri ini. Soal reformisma agama sebagaimana yang dilaung-laungkan oleh *Al-Imam*, *Al-Ikhwān* dan *Saudara* sudah tidak mendapat tempat lagi. *WM* kini mengemukakan persoalan-persoalan yang lebih rapat hubungannya dengan soal-soal kehidupan masyarakat Melayu. *WM* bersama-sama dengan akhbar-akhbar lain yang sezaman dengannya berjaya menyemaikan benih nasionalisma dikalangan masyarakat Melayu. Seruan-seruan yang dibuat menjadi perintis untuk kelahiran pergerakan yang bercorak politik yang disalurkan melalui kesatuan-kesatuan dan persatuan-persatuan.

Namun begitu tidak dinafikan bahawa sebelum tahun-tahun 1930'an telah terdapat perasaan nasionalisma dikalangan orang-orang Melayu tetapi kesedaran yang timbul itu hanya dilaung-laungkan diruangan akhbar-akhbar sahaja. Belum wujud satu persatuan politik yang dapat memperjuangkan kehendak-kehendak mereka. Apa yang terdapat ialah pertumbuhan-pertumbuhan sosial, ekonomi dan kebudayaan yang rata-rata bersifat setempat dan mempunyai anggota yang terbatas jumlahnya. Walaupun pertumbuhan-pertumbuhan ini tiada hubungan langsung diantara satu sama lain tetapi kesemuanya menerima adanya masyarakat Melayu yang lebih besar dimana mereka juga merupakan sebahagian daripadanya.<sup>18</sup> Perkara yang sering dipersoalkan oleh pertumbuhan-pertumbuhan ini adalah berkaitan dengan tugas meninggikan taraf pelajaran dan ekonomi orang-orang Melayu dalam satu masyarakat yang berbilang bangsa.

Sehingga pertengahan tahun-tahun 1920'an, pertumbuhan-pertumbuhan Melayu dan Melayu Muslim baik di Negeri-Negeri Selat atau di Negeri-negeri Melayu, masih merupakan pertumbuhan-pertumbuhan sosial, kebudayaan dan ekonomi sama-ada dari segi bentuk dan juga tujuan-tujuannya.<sup>19</sup> Tidak sebuah pun diantara pertumbuhan-pertumbuhan tersebut memainkan peranan politik secara langsung dan menyuarakan sesuatu perkara atas nama satu kumpulan politik.<sup>20</sup> Ini mungkin disebabkan penjajah Inggeris mengenakan peraturan bahawa rakyat tidak di bolehkan mencampuri hal ehwal politik. Walau bagaimanapun pentingnya kemunculan pertumbuhan-pertumbuhan dan kelab-kelab sosial ini tidak seharusnya diketepikan kerana kemunculannya itu merupakan organisasi-organisasi yang tersusun yang bakal melatih kepimpinan Melayu buat menubuhkan badan-badan lain yang lebih berorientasikan kesedaran ekonomi dan politik menjelang tahun-tahun akhir 1930'an dan selanjutnya.<sup>21</sup>

Pada bulan Mei 1926, satu rapat umum telah diadakan oleh sekumpulan orang-orang Melayu di Kampung Gelam, Singapura. Didalam prejumpaan ini

<sup>18</sup>W.R. Roff, *Nasionalisma Melayu*, (terj.) Ahmad Boestaman, University of Malaya Press, Kuala Lumpur, 1975, h. 235.

<sup>19</sup>W.R. Roff, *ibid.*, h. 238.

<sup>20</sup>Dalam soal ini walaupun ada setengah-setengah pertumbuhan seperti Persekutuan Islam Singapura (dikekui oleh orang-orang Peranakan Arab dan India yang kaya serta berpengaruh) bersuara untuk kebajikan para Muslimin dari Singapura dan kadang-kadang mengadakan perwakilan kepada pihak kerajaan, tetapi tindakan yang diambil adalah atas nama suatu kumpulan sosial atau kebudayaan.

<sup>21</sup>Ahmat Adam, *op.cit.*, h. 15.

lahirlah Kesatuan Melayu Singapura (KMS) diatas daya usaha Encik Eunus bin Abdullah beserta dengan beberapa orang rakannya.<sup>22</sup> KMS bukan merupakan satu gerakan atau parti yang bercorak politik tetapi perjuangannya adalah untuk kebajikan orang-orang Melayu.<sup>23</sup> Soal pelajaran anak-anak Melayu menjadi tumpuan utama perjuangan KMS. Eunus Abdullah telah mendesak supaya peluang yang lebih luas diberikan kepada murid-murid Melayu. *WM* keluaran 27.1.1930 ada menyiarkan sepenuhnya mengenai permohonan KMS kepada Penguasa Pelajaran Inggeris yang menyentoh soal pelajaran anak-anak Melayu di Singapura.<sup>24</sup>

Ini membuktikan bahawa *WM* turut mengalu-alukan dan menyokong sepenuhnya tindakan KMS yang berusaha untuk kepentingan orang-orang Melayu sendiri.<sup>25</sup> Dalam satu rencana, *WM* telah memberikan pandangannya terhadap kesatuan itu, Menurut pengarang;

“...bertambah-tambah sukacita kita apabila didengar persekutuan ini dengan sebenarnya ada hidup dengan sehat dan kuat pada membuka suaranya darihal perkara yang berkenaan dengan kaumnya itu... kita telah berasa harus dan wajib diatas tiap-tiap seorang Melayu didalam Pulau Singapura ini membantu dengan sekuat-kuat hati... diatas persekutuan ini... Pada fikiran kita inilah satu peluang yang boleh disatukan bangsa Melayu dibawah naungan suatu persekutuan yang telah dicitakan diadakan bagi menjaga keselamatan faedah dan nama yang baik dan muafakat yang sanggah bagi orang-orang Melayu itu...”<sup>26</sup>

Seterusnya disyorkan juga oleh pengarang supaya anggota Negeri-negeri Selat yang lain dan juga Negeri-negeri Melayu mencontohi langkah menubuhkan persatuan oleh orang-orang Singapura. Setelah wujud persatuan negeri-negeri ini maka bagi pengarang barulah dapat ditubuhkan pula satu persatuan yang lebih besar meliputi seluruh Tanah Melayu dan Singapura.

Satu daripada kejayaan KMS didalam perjuangannya ialah penubuhan sebuah kampung Melayu di Singapura yang mencontohi Kampung Baru di Kuala

---

<sup>22</sup>Mohd. Eunus bin Abdullah dilahirkan pada tahun 1876 (tahun yang sama dengan kemunculan akhbar Melayu yang pertama iaitu *Jawi Peranakan*). Mula-mula beliau bersekolah Melayu di Kampung Gelam kemudian menuntut di Raffles Institution. Setelah tamat persekolahannya, beliau bertugas dipejabat Master Attendent Singapura dan kemudian menjadi Syahbandar di Muar. Beliau mula-mula menyertai alam persuratkhabaran pada tahun 1907 apabila ia dijemput oleh William Markepeace untuk bertugas sebagai ketua pengarang *Utusan Melayu* iaitu versi Melayu *Singapore Free Press* yang diterbitkan pada 7.11.1907. Rencana-rencana pengarangnya bersemangat dan sering mengupas mengenai kehidupan orang-orang Melayu di Singapura. Beliau berhenti dari *Utusan Melayu* pada tahun 1909 dan pada tahun 1924 beliau dilantik menjadi ahli Mesyuarat Kerajaan Negeri-negeri Selat disamping bertugas sebagai ketua pengarang bagi akhbar *Lembaga Melayu* yang berhenti penerbitannya pada tahun 1931. Pada bulan Februari 1932 beliau menerbitkan akhbar harian *Perkhabaran Dunia*. Beliau meninggal dunia pada tahun 1933.

<sup>23</sup>W.R. Roff, *Sejarah Surat-surat Khabar Melayu*, h. 27

<sup>24</sup>Sila lihat *Warta Malaya*, 27.1.30.

<sup>25</sup>Salah satu diantara tujuan-tujuan utama KMS didirikan ialah menggalakkan pelajaran yang lebih tinggi dan ilmu pertukangan yang berfaedah dan memberangsangkan anak-anak Melayu pada berjenis pengetahuan.

Lihat Radin Soenarno, “Nasionalisma Melayu Hingga Tahun Masih, 1948”, h. 41-42.

<sup>26</sup>*Warta Malaya*, rencana pengarang, 30.1.1930.

Lumpur pada bulan April 1929. Kejayaan ini dapat dibanggakan terutama untuk mempertahankan kedudukan orang-orang Melayu yang semakin berundur ke-kawasan-kawasan pendalaman akibat tekanan daripada penduduk-penduduk golongan imigran dikawasan bandar.<sup>27</sup> *WM* menghargai kejayaan KMS ini dan memberikan pandangannya sebagaimana petikan dibawah ini;

"... Apakah telah jadi dengan betulnya kawasan itu kita harap kerajaan ataupun orang yang diam disitu tiada membenarkan sebarang kedai penjualan makanan ataupun sebagainya itu kepada lain daripada bangsa Melayu. Kiranya pada fikiran kita dikehendaki kawasan Melayu yang sebenarnya hendaklah diberi pelawa perniagaan itu kepada bangsa Melayu juga..."<sup>28</sup>

Melihat perjuangan KMS, ternyata ianya ditubuhkan dengan tujuan membela nasib orang-orang Melayu yang merupakan golongan terkecil dan terdesak hidupnya di Singapura. KMS dianggap telah merintis jalan kepada pembentukan parti-parti politik berorganisasi yang moden.<sup>29</sup>

Sejajar dengan perjuangan KMS diperingkat ini, wakil-wakil Melayu di Majlis-Majlis negeri mulai bersuara dengan berani.<sup>30</sup> Tokoh-tokoh seperti Raja Sir Chulan, Datuk Undang Rembau dan Onn Jaafar adalah merupakan wakil-wakil Melayu yang berusaha membela nasib bangsa Melayu. Walaupun mereka ini berani dalam tuntutan-tuntutannya yang berkaitan dengan soal-soal seperti kemunduran ekonomi orang-orang Melayu, peluang-peluang pekerjaan dalam sektor kerajaan, perlindungan kerajaan dari desakan kaum-kaum imigran dan sebagainya, tetapi apa yang ternyata soal politik belum lagi mendapat tempat. Di samping suara daripada tokoh-tokoh ini, akhbar-akhbar terus memainkan peranannya menyedarkan orang-orang Melayu termasuk *WM* sendiri. Pengarang-pengarang mengambil langkah mendorong orang-orang Melayu menubuhkan persatuan-persatuan untuk membela nasib mereka. Lihat saja petikan ini;

"Sekarang ini orang-orang Melayu sudah sedar akan hak-haknya didalam negerinya sendiri dan sedikit-sedikit daripadanya menuntut hak-hak itu akan tetapi apakah akan jadinya dengan bersuara saja dan mufakat tidak? Ini bukannya dengan tujuan untuk membangkitkan sebarang perasaan yang tidak baik antara orang Melayu dan orang-orang British hanya dengan sebabnya kita ada menaruh sebenar-benarnya cemburu diatas perbuatan yang boleh mengurangkan hak dan kemuliaan raja-raja Melayu..."<sup>31</sup>

Seruan *WM* supaya ditubuhkan kesatuan-kesatuan Negeri-negeri Melayu mencontohi KMS,<sup>32</sup> akhirnya ternyata mendapat sambutan. Dalam masa dua tahun (1937-1939) persatuan Negeri-negeri Melayu telah didirikan di Selangor,

<sup>27</sup> Kampung Melayu ini meliputi kawasan seluas 150 ekar dan terletak kira-kira  $\frac{1}{2}$  batu disebelah utara Batu 51 Changi Road. Didalam kawasan ini dilengkapi dengan jalanraya, tapak bangunan pasar, sekolah, masjid, rumah sakit dan padang permainan selain daripada kawasan perumahan. Kawasan ini adalah dikhaskan kepada bangsa Melayu yang beragama Islam dan lahir di Singapura. Lihat *Warta Malaya* 17.6.1930 dengan tajuk "Kawasan Melayu".

<sup>28</sup> *Warta Malaya*, rencana pengarang, 2.1.1930.

<sup>29</sup> Mazlan Abdullah, "Nasionalisma Tanah Melayu Sebelum Perang", *Deewan Masyarakat*, Jilid XI, Bil. 9, September, 1973, h. 16.

<sup>30</sup> Radin Soenarno, "Nasionalisma Melayu Hingga Tahun Masihi 1948," h. 42.

<sup>31</sup> *Warta Malaya*, rencana pengarang, 24.1.1931.

<sup>32</sup> Dalam soal ini peranan dan pengaruh akhbar-akhbar lain yang sezaman dengan *WM* (Majlis, Lembaga Malaya, Utusan Melayu dan lain-lain) dan juga peranan yang dimainkan oleh beberapa orang tokoh pejuang Melayu tidaklah dinafikan.

Pahang, Perak, Negeri Sembilan, Province Wellesley disamping penubuhan cabang-cabang KMS di Melaka dan Pulau Pinang, dengan pemimpin-pemimpin yang diantaranya terdiri daripada golongan aristokrat Melayu yang bersikap pro-British.<sup>33</sup> Walaupun tujuan kesatuan-kesatuan ini untuk memperjuangkan kemunduran ekonomi dan pelajaran bangsa Melayu serta berusaha menandingi bangsa-bangsa asing tetapi sebahagian besar daripada perjuangannya ialah menuntut kerajaan British memberikan kedudukan yang lebih baik kepada orang-orang Melayu.

Hasil daripada kemunculan lebih banyak kesatuan Negeri-negeri Melayu itu maka mulai tahun 1937, kesedaran dikalangan orang-orang Melayu dianggap sudah cukup hebat untuk mendorong mereka bergabung mengujudkan persatuan-persatuan.<sup>34</sup> Keadaan dunia pada ketika itu mulai tegang dimana Inggeris dan Jerman sudah bersedia untuk berperang di Timur Jauh pula Jepun telah bertindak menyerang Negri China manakala di India dan Indonesia pergerakan-pergerakan kebangsaan semakin bertambah hebat perjuangannya. Kejadian-kejadian seperti ini mungkin berpengaruh dalam mematangkan lagi kesedaran pejuang-pejuang Melayu dewasa itu. Selain daripada kesatuan Negeri-negeri Melayu wujud pula persatuan-persatuan persuratan dan budaya seperti Persaudaraan Sahabat Pena Malaya (PASPAM) yang didirikan meliputi seluruh semenanjung pada tahun 1934 dengan cogan "Hidup Bahasa, Hidup Bangsa".<sup>35</sup> Menurut *WM* didalam satu keluarannya berbunyi;

"Apabila PASPAM itu disebut maka dengan serta merta orang-orang mengetahui bahawa ia serangkaian huruf-huruf potong daripada empat kata bagi nama sebuah persekutuan yang termustahak sangat ujudnya dialam Melayu iaitu "Persaudaraan Sahabat Pena Malaya" yang mengandungi beribu-ribu ahlinya daripada berbagai-bagai bangsa Islam dengan bersentiasa menaburkan jasa dan khidmat bagi munafaat am berkenaan dengan orang-orang Islam amnya..."<sup>36</sup>

PASPAM sebenarnya merupakan sebuah pertubuhan kesusasteraan Melayu berasaskan pada garis yang sama dengan persatuan-persatuan kesusasteraan terdahulu walaupun pro Kaum Muda. Pertubuhan ini sring mengadakan persidangan-persidangan bersifat kebangsaan yang dapat menyatukan para peserta dari seluruh Tanah Melayu. Selepas persidangan pertama di Taiping pada 11.11.1934 bilangan ahlinya bertambah sehingga 12,000 dalam beberapa tahun.<sup>37</sup> Tetapi menjelang tahun 1940, PASPAM mulai lemah dan berpecah kerana orang-orang Melayu mula mencurigai dan benci terhadap pemimpin-pemimpinnya yang terdiri daripada mereka yang berketurunan Arab dan India Muslim.<sup>38</sup>

<sup>33</sup>Keadaan ini ternyata didalam Persatuan Melayu Pahang dimana pengasasnya ramai terdiri daripada golongan bangsawan dan raja seperti Dato' Hussain bin Mohd. Tajib (selain daripada memegang jawatan MCS, beliau juga salah seorang Orang Kaya Besar Berempat, bergelar Orang Kaya Indera Syahbandar) dan Tengku Muhammad bapa saudara Sultan Pahang).

<sup>34</sup>Radin Soenarno, "Nasionalisma Melayu Hingga Tahun Masihi 1948", h. 42.

<sup>35</sup>Persaudaraan Sahabat Pena dikatakan sebagai suatu persatuan politik yang bergerak dibawah perlindungan tujuan-tujuan sastera dan budaya. Lihat *UMNO — 10 Tahun (1946—1956)*, h. 7.

<sup>36</sup>*Warta Malaya*, 28.11.1940 h. 10.

<sup>37</sup>Maymon Arif, "Kegiatan Politik Melayu Tahun 1930'an", h. 43.

<sup>38</sup>N.J. Funston, "Malay Politics in Malaysia", h. 20.



Apabila Negeri-negeri Melayu telah mempunyai kesatuan-kesatuan mereka sendiri mulalah dicadangkan supaya diadakan suatu persatuan yang menggabungkan kesemua persatuan-persatuan yang ada. Pada tahun 1936, mendapat cadangan menubuhkan "Persatuan Melayu Indonesia Malaya", oleh pemimpin-pemimpin Melayu di Kuala Lumpur yang diketuai oleh Encik Muhammad Ariffin.<sup>39</sup> Tetapi apabila difikirkan bahawa nama "Melayu Indonesia Malaya" itu mungkin membawa kepada perasaan berpuak-puak maka nama "Indonesia" digugurkan dan kini menjadi "Persatuan Melayu Malaya" dan seterusnya permohonan untuk menubuhkannya dihantar kepada Jabatan Pendaftaran. Tetapi tiga tahun kemudian (1939) baru permohonan itu dijawab oleh pihak Inggeris. Kelambatan jawapan daripada penjajah Inggeris itu mungkin mempunyai tujuan tertentu. Inggeris mungkin pada peringkat awalnya tidak begitu senang dengan wujudnya satu persatuan yang lebih besar dan mempunyai kemungkinan untuk bertindak menggugat pemerintahannya.

Akhirnya pada bulan Ogos 1939, "Kongres Melayu Se Malaya" diadakan di Kuala Lumpur "untuk mencari ikhtiar supaya lebih maju dan tegap pendirian dan perjalanan bangsa dan persatuan-persatuan Melayu di Semenanjung".<sup>40</sup> Kongres ini adalah di atas daya usaha Persatuan Melayu Selangor dan Singapura. Kongres-kongres yang telah diadakan dalam tahun-tahun 1939 dan 1940 itu adalah merupakan lanjutan daripada perjuangan kesatuan-kesatuan Melayu dan juga menandakan wujudnya perasaan kebangsaan dalam diri orang-orang Melayu.<sup>41</sup> Ekornya, negeri-negeri yang masih belum mengujudkan persatuan-persatuan telah memulakan langkah bagi penubuhannya termasuk negeri-negeri seperti Johor, Kelantan, Sarawak dan Brunei, iaitu setelah melihat contoh-contoh persatuan dinegeri-negeri lain yang berusaha untuk kepentingan orang-orang Melayu.

Di Kelantan umpamanya pada tahun 1938 telah diadakan percubaan-percubaan yang diketuai oleh Nik Mahmud bin Haji Abdul Majid untuk mendapatkan izin Sultan Kelantan bagi menubuhkan Persatuan Melayu Kelantan tetapi gagal atas alasan pertubuhan-pertubuhan yang sedia ada sudah mencukupi.<sup>42</sup> *WM* diruangan rencana pengarangnya turut memberikan sebab-sebab kegagalannya sebagaimana di bawah ini;

"Daripada punca-punca yang sangat-sangat boleh dipercayai maka sahlah percubaan orang-orang Melayu Kelantan hendak menubuhkan persatuannya belum lagi berjaya dan setengah daripada sebab-sebabnya tidak berjaya ialah barangkali tidak ada sokongan yang kuat daripada orang ramai Melayu Kelantan, tidak kena tajaannya ataupun tidak ada penganjur-penganjur Melayu yang cukup usaha, boleh diharapi serta mengetahui kaedah-kaedah mengatur dan mentadbirkan... seperkara lagi yang nampaknya menggalang pertubuhan persatuan itu ialah tujuannya bercampur gaul dengan perkara-perkara agama, adat resam perniagaan dan lain-lain lagi yang mengelirukan..."<sup>43</sup>

<sup>39</sup> Ura-ura menubuhkan persatuan ini telah diceritakan dalam *Warta Malaya* keluaran 12.5.1939 yang juga menyiarkan surat jawapan yang baru diperolehi setelah tiga tahun permohonan dibuat.

<sup>40</sup> W.R. Roff, *Nasionalisma Melayu*, h. 306.

<sup>41</sup> Mazlan Abdullah, *Nasionalisma Tanah Melayu sebelum Perang*, h. 16.

<sup>42</sup> *Warta Malaya*, 22.9.1938, h. 20 ada menyiarkan jawapan sepenuhnya dari pihak kerajaan Kelantan akan sebab-sebab tidak perlu ditubuhkan Persatuan Melayu Kelantan.

<sup>43</sup> *Warta Malaya*, rencana pengarang, 22.9.1938.

Melalui petikan ini ternyata akan peranan *WM* sebagai alat menyeru kemajuan orang-orang Melayu. Setiap kegagalan dan kekurangan yang terdapat telah dicuba oleh pihak *WM* bagi mengatasinya dengan memberikan pandangan, cadangan disamping menghuraikan sebab-sebab berlakunya kegagalan. Dengan kaedah yang sedemikian ini *WM* dapat membuka mata dan seterusnya membimbing mereka untuk terus mengejar kemajuan.

Pada tahun-tahun akhir 1930'an, nasionalisma Melayu mula mengalir mengikut dua aliran iaitu kekanan dan kekiri.<sup>44</sup> Ini ditandakan dengan penubuhan Kesatuan Melayu Muda (KMM) pada tahun 1938 dibawah pimpinan Ibrahim Yaakob dan Ishak Haji Muhammad. KMM adalah merupakan pertubuhan Melayu yang pertama dianggotai oleh orang-orang Melayu dari negeri-negeri diseluruh Tanah Melayu dan pertubuhan itu dikatakan terang-terang merupakan sebuah organisasi politik rakyat yang anti-penjajahan dan anti-feudal.<sup>45</sup> KMM sejak mula lagi telah mengambil ketetapan menentang penjajahan, mengamalkan dasar non-koperasi dan inginkan kemerdekaan Tanah Melayu bersatu dengan Indonesia.<sup>46</sup> Keradikalan dan kekirian KMM ternyata berbeza dengan persatuan-persatuan di Negeri-negeri Melayu yang lebih sederhana perjuangannya. Ini adalah kerana KMM menerima pengaruh kuat dari Indonesia dan pernah dianggap sebagai organisasi politik orang-orang Melayu yang berjiwa muda sebagaimana Young Turk pada zaman Mustafa Kamal di Turki.<sup>47</sup>

Melihat pada matlamat KMM ini didapati cita-citanya ialah untuk merebut kembali kemerdekaan Tanah Melayu daripada penjajah. Inggeris menyedari ancaman ini dan sebelum tentera Jepun tiba, pemimpin-pemimpin KMM seramai seratus lima puluh orang telah ditahan dan KMM diharamkan. Walau bagaimanapun perjuangannya berjalan terus tetapi terhadap perjuangan bawah tanah.

Secara keseluruhannya, kegiatan-kegiatan berbau politik yang timbul sejak awal tahun-tahun 1930'an dapat dianggap sebagai pengakuan orang-orang Melayu terhadap kelemahan mereka jika dibandingkan dengan kaum-kaum imigran.<sup>48</sup> Ini merupakan satu tanda yang menunjukkan bahawa orang-orang Melayu telah berselera untuk berpolitik demi mempertahankan kedudukan kaumnya sendiri. Dengan itu dapat dikatakan bahawa apabila timbul perasaan tertekan maka barulah lahir keinginan untuk membela nasib sendiri dan seterusnya memberikan reaksi terhadap penindasan. Dalam usaha mencari identiti sendiri, perasaan perkauman lebih berkesempatan untuk muncul. Kegiatan-kegiatan gulungan imigran yang dianggap mengancam hak-hak orang-orang Melayu sentiasa diawasi. Kesedaran orang-orang Melayu pada tahun-tahun 1920'an dan 1930'an yang sentiasa menyeru dan melaung-laungkan didalam akhbar-akhbar supaya dikekalkan ciri-ciri Melayu dari segi bahasa, ugama, kebudayaan dan sebagainya adalah merupakan usaha mengekalkan identiti orang-orang Melayu. Persatuan-persatuan seterusnya di dirikan bagi mencapai matlamat tersebut. Melalui persatuan semangat kemelayuan dipupuk dan kemudian barulah lahir kesetiaan terhadap kaum sendiri. *WM* juga turut membuat seruan-seruan supaya identiti orang-orang Melayu dikekalkan.

<sup>44</sup>Radin Soenarno, "Nasionalisma Melayu Hingga Tahun Masibi 1948", h. 43.

<sup>45</sup>Ahmad Boestaman, "Gerakan Nasionalisma di Malaysia", h. 27.

<sup>46</sup>Radin Soenarno, *op.cit.*, h. 44

<sup>47</sup>Ahmad Boestaman, *op.cit.*, h. 27.

<sup>48</sup>Rahmat Saripan, "Kegiatan-kegiatan awal yang berbau politik dan tumbuhnya kesatuan Melayu Singapura", *Jebat, Jurnal Persatuan Sejarah Universiti Kebangsaan Malaysia*, Bil. 1, 1971/72, h. 62.

Satu lagi sumbangan *WM* pada perkembangan nasionalisma Melayu ialah sekurang-kurangnya akhbar ini telah berjaya melahirkan beberapa orang tokoh-tokoh politik yang berpengaruh pada tahun-tahun sebelum dan selepas perang Dunia Kedua. Onn Jaafar umpamanya setelah berhenti daripada jawatan pengarang *WM* telah menjadi ahli Tidak Resmi dalam Majlis Negeri Johor yang terus memberikan beliau peluang untuk bersuara mempertahankan kedudukan masyarakatnya. Perjuangan yang awalnya melalui ruangan-ruangan akhbar kini disuarakan sendiri didalam Majlis Negeri. Kemudian setelah Jepun berundur, Onn semakin aktif dalam arena politik tanah air. Beliau telah mengasaskan penubuhan UMNO dan seterusnya memimpin orang-orang Melayu menentang rancangan penubuhan Malayan Union. Penyertaan beliau dalam bidang politik berterusan sehingga beliau meninggal dunia.

Ishak Haji Muhammad dan Abdul Rahim Kajai juga adalah merupakan wartawan-wartawan *WM* yang dapat dibanggakan. Ishak mulanya menjadi anggota KMS yang aktif tetapi kemudiannya apabila cita-cita anti penjajahannya tidak dapat diterima oleh golongan nasionalis feodal dalam persatuan itu maka beliau menarik diri.<sup>49</sup> Beliau bersama-sama dengan Ibrahim Yaakob telah menubuhkan KMM dengan fahaman kirinya. Perjuangannya adalah menentang penjajah dan matlamat utamanya ialah kemerdekaan bagi negeri ini.

Demikian juga dengan Abdul Rahim Kajai yang ternyata aktif dalam menggerakkan persatuan di Negeri-negeri Melayu. Beliau pernah menjadi anggota jawatankuasa KMS. Kemudian apabila Persatuan Melayu Selangor ditubuhkan, beliau dikatakan sebagai salah seorang penggerak kepada tertubuhnya persatuan itu.<sup>50</sup> Kajai begitu aktif memperkembangkan keahlian bagi Persatuan Melayu Selangor ini dan telah mengelilingi Negeri Selangor bersama beberapa orang ahli jawatankuasa persatuan tersebut untuk memberikan ceramah-ceramah mengenai pentingnya ditubuhkan persatuan dan berusaha untuk mendapatkan sokongan. Didalam keluaran *WM* terutama dalam tahun 1938 banyak terdapat laporan-laporan mengenai usaha Kajai ini. Umpamanya *WM* keluaran 21.9.1938 telah menyiarkan berita mengenai syarahan Kajai pada kaum Bawean berkenaan dengan tujuan-tujuan persatuan dan faedah-faedahnya. Dua hari sebelum itu iaitu pada 19.9.1938, *WM* menyiarkan berita mengenai ceramah oleh Kajai didaerah Segambut. Melalui berita-berita begini ternyata usaha yang bersungguh-sungguh yang telah dijalankan oleh Kajai bagi menghidupkan dan mendapatkan sokongan terhadap Persatuan Melayu Selangor. Disamping itu juga Kajai menggunakan pejabatnya dan kemudahan-kemudahan lain untuk mengadakan mesyuarat-mesyuarat dan kerja-kerja percetakan khas untuk persatuan.<sup>51</sup> Dalam keluaran *WM* dituliskan;

"Suatu mesyuarat jawatankuasa Persatuan Melayu Selangor bagi kali yang keduanya akan diadakan dibilik pejabat Tuan Abdul Rahim Kajai (cawangan Warta Malaya Press Limited) Nombor 4, Ampang Street... pada pukul 2.30 petang Ahmad 18, September".<sup>52</sup>

<sup>49</sup> Ahmad Boestaman, "Gerakan Nasionalisma di Malaysia", h. 27.

<sup>50</sup> Ali Haji Ahmad, "Ringkasan Riwayat Hidup Abdul Rahim Kajai", *Dewan Bahasa* April, 1959, h. 170.

<sup>51</sup> W.R. Roff, "The Persatuan Melayu Selangor, : An Early Malay Political Association", dalam *Journal of Southeast Asian History*, Vol. 9, March, 1968, h. 142.

<sup>52</sup> *Warta Malaya*, 15.9.1938, h. 8.

Sumbangan Kajai terhadap Persatuan Melayu Selangor adalah besar sekali dan telah berjaya menarik sokongan orang-orang Melayu untuk menggabungkan diri didaam persatuan tersebut. Disamping Kajai teradapat juga beberapa orang tokoh lagi yang bekerja dengan *WM* dan telah melibatkan diri mengukuhkan pendirian Persatuan Melayu Selangor, antaranya ialah Mohd. Ramly bin Haji Mohd. Tahir<sup>53</sup> dan Haji Mohd. Dahlan bin Haji Mas'ud.<sup>54</sup> Mereka berdua terutama Mohd. Ramly, sering bersama-sama Kajai berkunjung kebeberapa tempat untuk memberikan ceramah.

Disini jelas menunjukkan bahawa orang-orang yang aktif dalam Persatuan Melayu Selangor adalah merupakan wartawan-wartawan akhbar termasuk wartawan-wartawan *WM* sendiri. Disamping berusaha membuat seruan diruangan-ruangan akhbar, mereka kemudiannya mengambil inisiatif menubuhkan persatuan yang lebih memberi kesan dalam usaha mempertahankan kedudukan orang-orang Melayu. Wartawan-wartawan *WM* juga mendapat kerjasama daripada wartawan-wartawan dari *Majlis* mengendalikan perjalanan Persatuan Melayu Selangor termasuk Haji Othman Abdullah (pengurus *Majlis*) Othaman Kalam (pengarang *Majlis*), Ibrahim Haji Yaakob (penolong pengarang) dan beberapa orang lagi.

Kini ternyata akan hubungan rapat diantara akhbar-akhbar masa itu dengan persatuan-persatuan yang didirikan. Umpamanya, *WM* dan *Majlis* telah menyediakan ruangan-ruangan untuk berta-berita dan laporan-laporan mengenai Persatuan Melayu Selangor. Bukan setakat itu saja, pihak *WM* terutama keluaran-keluaran tahun 1938 banyak melapurkan mengenai mesyuarat-mesyuarat kegiatan-kegiatan dan langkah-langkah yang diambil oleh persatuan-persatuan yang terdapat dinegeri ini. Seruan-seruan yang dibuat oleh *WM* sejak awal-awal penubuhannya yang menyeru supaya orang-orang Melayu bersatu dibawah satu persatuan negeri masing-masing kini telah ternyata. Sokongan sepenuhnya diberikan kepada persatuan-persatuan yang muncul dan diharapkan nasib orang-orang Melayu akan dapat diperbaiki. Sokongan yang diberikan oleh *WM* kepada Persatuan Melayu Selangor telah menyebabkan *WM* dapat dianggap sebagai lidah kepada persatuan tersebut terutama pada tahun-tahun sebelum berlakunya Perang Dunia Kedua.

Kelahiran *WM* menambahkan lagi jumlah media pada period-period sebelum perang. Peranannya memang ternyata memberi sedikit sebanyak kesan kepada orang-orang Melayu khususnya. Dari akhbar ini lahir beberapa orang tokoh wartawan yang akhirnya melibatkan diri dalam politik tanah air seterusnya berjuang melalui pertubuhan-pertubuhan politik untuk kemerdekaan negeri ini. Tuntutan-tuntutan yang dibuat oleh *WM* telah membuka mata penjajah Inggeris bahawa kesedaran telah ternyata dikalangan rakyat dinegeri ini.

<sup>53</sup> Mohd. Ramly bin Haji Mohd. Tahir dilahirkan di Pahang dalam tahun 1909 dan beliau adalah anak seorang guru sekolah Melayu dan wartawan sambilan. Ramly mendapat pendidikan Melayu di Kelantan antara tahun 1917-1923, kemudian Methodist Boys School di Kuala Lumpur dari tahun 1924-1929. Akhir sekali beliau memasuki Government Commercial Day School di Pulau Pinang dari 1930-1931. Pada tahun 1932, Ramly kembali ke Kuala Lumpur dan memasuki akhbar *Majlis* sebagai penolong kepada Abdul Rahim Kajai. Pada akhir tahun 1938 beliau menjadi wakil *WM* di Kuala Lumpur dan awal 1940, beliau memasuki *Utusan Melayu*.

<sup>54</sup> Haji Mohd. Dahlan bin Haji Mas'ud dilahirkan di Ulu Gombak pada tahun 1907. Beliau belajar di sekolah Melayu ditempatnya diantara tahun 1918-1922, kemudian menuntut di Mekah daripada tahun 1923-1926 dimana beliau tinggal bersama Kajai. Pada tahun 1931 beliau menjadi wartawan *WM* di Kuala Lumpur dan kekal hingga tahun 1939 bila ia memasuki *Utusan Melayu* pula.